

# RRG pergiat usaha kekang fahaman radikal

Oleh SHAMSUL JANGARODIN  
shamj@sph.com.sg

TIGA individu yang terpengaruh oleh fahaman radikal secara sendiri tidak mencerminkan ajaran sebenar Islam. Oleh itu, masyarakat Islam perlu memainkan peranan menonjolkan ciri-ciri tulen Islam yang cintakan kedamaian.

Menegaskan demikian, pengerusi bersama Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG), Ustaz Ali Haji Mohamed, berkata RRG akan terus mempergiat usaha pendidikan dan pendekatan bagi mengekang belia Islam daripada terpengaruh oleh fahaman radikal.

Melahirkan rasa sedih dan terkejut dengan penahanan anggota Perkhidmatan Negara (NS) sepenulh-masa, Muhammad Fadil Abdul Hamid, Ustaz Ali berkata:

"Banyak yang telah kita lakukan namun kejadian seperti ini masih berlaku. Keburukan itu satu lumrah dunia dan kita tidak boleh menghapuskannya sama sekali. Tetapi kita boleh mengekangnya dan kita perlu melakukannya dengan lantang.

"Di situlah peranan yang perlu dimainkan bukan saja oleh RRG, bahkan masyarakat Islam Singapura bagi menonjolkan ciri-ciri Islam sebenar dan cintakan kedamaian."

Ditanya jika beliau bimbang fahaman radikal kini mula menjangkiti golongan belia, Ustaz Ali berkata pengaruh fahaman radikal tidak melihat usia.

"Sesiapa saja boleh terpengaruh. Penggunaan multimedia dan teknologi oleh kumpulan-kumpulan ideologi tegar ini amat canggih. Oleh itu, ibu bapa harus mengawasi penggunaan Internet anak-anak mereka dan kenali tanda-tanda awal sekiranya mereka terpengaruh oleh laman-laman radikal," kata beliau.

Presiden Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (Pergas), Ustaz Mohamad Hasbi Hassan, pula menggesa masyarakat Islam supaya mengamalkan budaya memeriksa latar belakang asatizah bagi memastikan mereka diiktiraf di bawah Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS) demi mengelak berlakunya sebarang penyampaian fahaman radikal.

Seorang 'ustaz' tidak bertauliah antara dua orang yang dikenakan Perintah Sekatan (RO) itu.

Ustaz Mohamad Hasbi, yang juga pengerusi bersama RRG, menggesa masyarakat Islam supaya merujuk kepada Pergas jika tahu asatizah berfahaman radikal.

Mereka boleh juga memeriksa senarai lebih 600 asatizah yang diiktiraf di laman web badan itu.

"Ada asatizah tidak diberi pentauihan kerana kami mendapati mereka ada unsur-unsur radikal," kata Ustaz Mohamad Hasbi.

Beliau menambah, antara faktor utama sebilangan anggota masyarakat Islam setempat masih memilih mendekati asatizah tidak bertauliah ialah kerana mereka mudah terpicat dengan cara penyampaiannya tanpa mengendahkan isi kandungan, selain daripada terlalu taksuf pada seseorang.